

Hanya satu sekolah di Sarawak dibuka, lima lagi ditutup

# Banjir masih membimbangkan

Oleh **TAUFIK SALIMIN**

**KUCHING** – Bilangan murid terjejas banjir di Sarawak menurun kepada 313 daripada 405 orang selepas satu daripada enam buah sekolah yang ditutup sejak tiga hari beroperasi semula semalam.

Sekretariat Jabatan Pengurusan Bencana Negeri, Mejar Ismail Mahedin berkata, sehingga pukul 12 tengah hari, sekolah yang masih ditutup melibatkan dua di Miri dan masing-masing satu di Sibu, Mukah dan Bintulu.

Katanya, sekolah yang masih terjejas ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bong dan SK Kuala Bok di Miri, SK Nanga Bon di Sibu, SK Kuala Kenyana di Mukah dan SK Genaan di Sebauh, Bintulu.

“SK Rumah Ranggong di Subis yang ditutup sejak tiga hari lalu sudah mula beroperasi semalam selepas keadaan banjir di

situ mula pulih.

“Bagaimanapun, terdapat 19 buah sekolah di negeri ini yang mula dilanda banjir namun masih beroperasi kerana belum lagi menjejaskan kawasan persekolahan setakat ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, keadaan di SK Sungai Bong dan SK Kuala Bok di Miri masih lagi membimbangkan berikutan paras air semakin naik sekitar dua meter akibat hujan berterusan sejak tiga hari lalu.

Katanya, kawasan bawah blok-blok asrama murid di dua buah sekolah itu kini mula dinaiki air sedalam satu meter.

“Beberapa bilik darjah juga terpaksa ditutup kerana dinaiki air yang menyebabkan dua sekolah berikut tidak dibenarkan beroperasi buat sementara waktu,” ujarnya.



**BEGINILAH** keadaan SK Genaan di Sebauh, Bintulu yang masih digenangi air hingga mengakibatkan pelajar tidak dapat meneruskan pembelajaran seperti biasa semalam.